BAB V

PENUTUP

A. Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat di ambil dari bab pertama hingga bab yang keempat dalam pembahasan Skripsi yang berjudul "Pemberontakan Rosli Dhoby Terhadap Penjajah Inggris Di Sibu Sarawak Pada Tahun (1947-1950)" di atas maka dapat diuraikan seperti berikut :

1. Rosli Dhoby merupakan seorang pejuang kemerdekaan Sarawak yang ingin mengambil Sarawak daripada penjajah British, Yang lahir pada 18 Mac 1932 di Kampung Pulo Sarawak. Beliau berketurunan Melayu, Mengenal seorang pejuang Negeri Sarawak yang mula membangkitkan perasaan terhadap antipenjajah dalam kalangan rakyat Sarawak. Semasa kehidupan beliau adalah seorang pemuda yang berani dan berfikiran yang terbuka. Beliau juga adalah seorang ahli tertinggi PPM dan setiap petemuan mengemukakan idea dan cadangan dalam anggota PPM. Semangat anak muda itu terus membara kerana bagi diri nya penjajah harus di usir dari bumi Sarawak,Termotivasi dengan semangat presiden Indonesia pada ketika itu yaitu Seokarno.
2. Pemberontakan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dan ahli rukun 13 mempunyai pendekatan atau cara yang lebih radikal dan drastik kerana semangat ingin memperjuangkan kemerdekaan Negeri tercinta. Mereka juga mengadakan demostrasi, Satu daripada tunjuk rasa yang dijalankan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

pada 13 september 1948 ketika pihak Britsh membuat kunjungan ke Sarawak dan pihak Britsh juga bertindak balas dengan menangkap beberapa orang ahli rukun 13 pada waktu itu.

3. Kondisi masyarakat Pribumi di Sibu lebih terancam bila terdapat campur tangan pihak Britsh, Apabila masyarakat ada yang mendukung penyerahan Sarawak kepada Britsh, Karena Britsh menjanjikan pelbagai keistimewaan kepada para pendukung nya. Isu penyerahan menimbulkan persengketaan dalam kalangan masyarakat Melayu, peristiwa itu menjadi cabaran buat Rosli Dhoby dan ahli rukun 13 pada waktu itu. Pada pagi 3 disember Gabenor membuat lawatan ke Sibu Sarawak dan sewaktu Gabenor memeriksa perbarisan Rosli Dhoby datang dari arah depan dan menikam sehingga mati.

B. Saran

Penulis mempunyai beberapa saran yang harus diketengahkan bagi meneruskan perkembangan Islam di Mukah seperti :

1. Masyarakat Melayu Islam mahupun masyarakat pribumi Sarawak yang bukan islam di Sibu haruslah berganding bahu dan berkerjasama menjaga keharmonian dan kemerdekaan Negeri Sarawak daripada kemasukan penjajah. Seharusnya lebih baik mengadakan organisasi-organisasi bagi mewujudkan perpaduan di antara kaum di Sarawak kerna terdapat plbagai etnik Kaum yang berada Sibu Khusus nya, akan tetapi tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerja bersama karena mengembangkan semangat

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh para-para pahlawan Negeri Sarawak.

2. Guru-guru juga perlu memainkan peran yang penting terhadap pendekatan pendidikan Sejarah yang lebih efektif agar masyarakat terutamanya generasi muda agar mengetahui kesan sejarah-sejarah lampau yang telah terjadi pada Negeri mereka,
3. Sibu memerlukan ramai anak tempatan untuk menjadi pakar dalam bidang sejarah dan kebudayaan kerna terdapat pelbagai tinggalan sejarah yang sering dilupakan. Seharusnya pihak yang bertanggungjawab mesti menyediakan ruang bagi anak-anak muda yang meminati bidang sejarah kerna mereka adalah peneruh generasi kepada pembangunan bagi masyarkat di Sarawak khusus nya di Sibu.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id